

ISU-ISU REMAJA SUKA MELEPAK (Part 1)

Azizi Hj Yahaya

PENDAHULUAN

Masalah sosial merupakan suatu istilah yang menakrifkan pelbagai bentuk gejala yang tidak baik dan kurang sihat yang berlaku di seluruh dunia. Di Malaysia pelbagai jenis masalah sosial yang sering ditimbulkan oleh golongan majoriti iaitu remaja. Remaja merupakan individu yang berumur lingkungan 13 hingga 18 tahun. Pada peringkat ini golongan remaja akan mula berhadapan dengan pelbagai bentuk perubahan dalam diri mereka. Sebagai contoh perubahan fizikalnya, sikap dan emosi. Bahkan dalam peringkat ini juga mereka akan mencari identiti sebenar diri mereka yang menepati citarasa dan keselesaan diri mereka. Persekitaran amat memainkan peranan yang penting sebagai acuan utama dalam membentuk diri dan masa hadapan remaja seperti keluarga, rakan sebaya, pendidikan dan sebagainya.

Namun apa yang menyedihkan persekitaran dewasa kini sangat bermasalah. Banyak kes yang telah dilaporkan di dada akhbar yang menggambarkan kepincangan dalam institusi kekeluargaan, pengaruh akhlak buruk daripada rakan sebaya serta kurangnya kesedaran dalam kepentingan ilmu dunia dan akhirat. Isu-isu ini semakin menjadi tema yang hangat dibincangkan dalam media massa kini. Isu-isu ini bukan sahaja membawa kepada masalah kepada keluarga, malah turut menjadi masalah kepada negara. Oleh itu, tidak hairanlah apabila masalah sosial daripada golongan remaja semakin sukar menemui titik penyelesaiannya.

Gejala sosial dan psikologikal di kalangan remaja telah banyak menarik perhatian ramai pihak. Sebagai contoh pada tahun 2001, terdapat laporan media yang menyiarkan seramai 128 remaja telah ditahan oleh pihak polis di Johor Bahru kerana terlibat dalam kegiatan melepak dalam waktu persekolahan. Masalah melepak telah menjadi suatu budaya kepada golongan remaja khususnya. Remaja gemar menghabiskan masa lapang di tempat-tempat tumpuan orang awam seperti di pusat membeli-belah dan di perhentian kenderaan awam. Tingkahlaku sebegini dikenali sebagai aktiviti melepak. Terdapat juga tafsiran mengenai lepak ini sebagai suatu aktiviti berehat di kawasan-kawasan tertentu tanpa melibatkan apa-apa tujuan yang berfaedah.

CONTINUE...